

ELEMEN PENDIDIKAN DALAM PERIBAHASA GARAPAN AL-QURAN

Hj. Ahmad bin Ismail
Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Al-quranul Karim adalah mukjizat teragung anugerah Allah swt kepada Rasulullah saw untuk menjadi rujukan baginda dalam membentuk masyarakat muslim yang peka dengan tanggungjawab terhadap diri sendiri, agama, bangsa dan ummah. Manakala peribahasa dalam apa jua bahasa dan bangsa, adalah kata-kata ringkas, padat, sarat dengan pengertian, makna yang tersurat dan tersurat Ia adalah garapan satu-satu masyarakat atau bangsa untuk menyatakan pengalaman, pemikiran, pemerhatian, peristiwa dan luahan hati yang cukup bernilai. Apatah lagilah jika peribahasa itu diwahyukan langsung dari Allah swt meneusi Kitab Suci Al-Quran – ul- Karim. Oleh itu, peninggalan khazana al-Quran yang suci ini perlu diteliti, dihayati dan dipergunakan. Kertas ini akan menyentuh tema pendidikan dari beberapa ayat al-Quran yang menggunakan peribahasa sebagai wadahnya. Tumpuan utama terarah kepada pendidikan akhlak dan moral, samada dalam bentuk individual atau umum. Para ibubapa, pendidik dan masyarakat perlu menggunakan media peribahasa al-Quran ini dengan secara yang berkesan dalam mendidik anak, pelajar dan sesiapa sahaja yang dididik kerana keberkesannya sangat efektif. Metod yang digunakan oleh dalam kajian ini adalah metod kepustakaan dan kualitatif

1.0 Pendahuluan

1. **Al-Qura-ul Karim** adalah himpunan wahyu Allah swt yang diturunkan secara sedikit demi sedikit kepada Nabi Muhammad saw melalui Malaikat Jibril as. Ia diwahyukan kepada Rasulullah saw sebagai panduan untuk baginda memimpin umatnya menjadi umat yang cemerlang dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi, umat contoh dan menjadi saksi kepada umat-umat lain. Firman Allah swt yang bermaksud:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).....¹.

Al-Quran adalah kitab perlembagaan, hidayah, pendidikan. Bukan sekadar mengandungi hukum hakam sahaja tetapi sarat dengan pedoman untuk dijadikan ikutan yang lengkap dan menyeluruh dalam kehidupan manusia yang berhadapan dengan berbagai masalah dan kepentingan.

Ghazali Darusalam (2004) dalam bukunya Pedagogi Pendidikan Islam ada membahwa kata-kata Abu Hasan : *Pada hakikatnya al-Quran merupoakan perbendaharaan yang besar untuk*

¹ Al-Baqarah 2 : 143.

*kebudayaan manusia, terutama bidang kerohanian. Ia pada umumnya adalah merupakan kitab pendidikan, kemasyarakatan, akhlak dan kerohanian.*²

2. **Peribahasa** : Peribahasa dalam pengertian umum adalah pati atau intisari kata-kata hikmat. Dalam apa jua bangsa dan bahasa pun peribahasa adalah cerminan minda bangsa tersebut. Ia lahir dari pengalaman, ilmu, pemerhatian kepada persekitaran sekeliling mereka. Ia diucapkan dalam bentuk yang ringkas, kemas dan bernas, menarik, sedap didengar dan mempunyai pengaruh yang mendalam dalam jiwa bangsa itu. Atas dasar ini, peribahasa akan diterima pakai oleh masyarakat bangsa itu dan diwarisi turun temurun dari generasi ke generasi.

3. **Pendidikan** : Pendidikan adalah proses penurunan ilmu dan pengalaman. Menurut **John Dewey** (meninggal 1952), pendidikan merupakan suatu proses pengalaman. Kerana kehidupan merupakan pertumbuhan, maka pendidikan bererti membantu pertumbuhan batin manusia tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan adalah proses penyesuaian pada setiap masa dan menambah kecakapan dalam perkembangan seseorang melalui pendidikan.³

PERIBAHASA DALAM AL-QURAN

Al-Quran merupakan kitab persyariatan, pendidikan, hidayah dan pembaikan tidak hanya sekadar hukum hakam, tetapi dengan Al-Quran kita dapat meletakkan system kemasyarakatan yang lengkap (Muhammed Syahir Yamin)⁴

Imam al-Zarkashy dalam bukunya (البرهان في علوم القرآن) ketika membicarakan tentang peribahasa dalam al-Quran ada menyebut: Peribahasa dalam al-Quran terbahagi kepada dua jenis. Pertama: Jelas (رهاظ) disebut perkataan (مثل) dalamnya. Kedua : Tersebunyi (كامن) tidak disebut perkataan (مثل) dalamnya.⁵

2.0 ELEMEN PENDIDIKAN DALAM PERIBAHASA AL-QURAN

Al-Qur'an merupakan wahyu Allah swt yang menjadi pedoman hidup kaum muslim yang tidak ada lagi keraguan di dalamnya. Di dalamnya terkandung ajaran-ajaran pokok sebagai prinsip atau dasar dalam segala aspek kehidupan manusia yang selanjutnya dapat dikembangkan sesuai dengan naluri masing-masing bangsa. Salah satu permasalahan yang tidak terlepas dari perbincangan umat adalah masalah pendidikan.

² Ghaza:li D:arussala:m (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

³ <http://www.seputarpengetahuan.com/2015/02/15-pengertian-pendidikan-menurut-para.html>

⁴ @misk00-moh

⁵ Muhammaed Ja:bir al-Fayyad (Prof. Dr.) (2012). *Al-Amthal fi: al-Quranulkarim*. Cet.1. Kaherah. Darussalam.

Menganalisa tentang unsur pendidikan dalam peribahasa garapan al-Quran, Sameh Atif El-Zein⁶ (2009) menyenaraikan beberapa tajuk komponen pendidikan dalam peribahasa al-Quran, iaitu:

- i- Ujian dalam kehidupan dunia.
- ii- Manusia terikat dengan kerja dan perbuatannya.
- iii- Tiruan dan ikutan.
- iv- Kembali kepada Allah swt bila ditimpa musibah.
- v- Infaq kepada jalan Allah.
- vi- Kesan riba kepada kehidupan manusia.
- vii- Hukum pewarisan dan pemeliharaan anak.
- viii- Hubungan suami dengan isteri yang telah dicerai.
- ix- Hukum buruan semasa berihram.
- x- Larangan mungkir janji dan sumpah.
- xi- Larangan menjatuhkan maruah.

CONTOH PERIBAHASA GARAPAN AL-QURAN TENTANG PENDIDIKAN

1. Ujian dalam kehidupan dunia.

Firman Allah swt.

(إِنَّا بَلَوْنَاهُمْ كَمَا بَلَوْنَا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا لَيَصْرُنَّهَا مُصْبِحِينَ)

Sesungguhnya Kami telah timpakan mereka dengan bala bencana, sebagaimana Kami timpakan tuan-tuan punya kebun (dari kaum yang telah lalu), ketika orang-orang itu bersumpah (bahawa) mereka akan memetik buah-buah kebun itu pada esok pagi; (al-Qalam: 17)

2. Manusia terikat dengan kerja dan perbuatannya

Firman Allah swt.

(مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا ۗ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْرُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ)

"sesiapa yang mengerjakan sesuatu perbuatan jahat maka ia tidak dibalas melainkan dengan kejahatan yang sebanding dengannya; dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh - dari lelaki atau perempuan - sedang ia beriman, maka mereka itu akan masuk Syurga; mereka beroleh rezeki di dalam Syurga itu dengan tidak dihitung. (Ghafir : 40)

3. Tiruan dan ikutan.

Firman Allah swt.

⁶. Samih "A:tif El-Zain (2009). *Mu'jam al-Amtak Fi: al-Quranulkarim*. Cairo. Da:ar al-Kitab al-Misri al-Lubnani.

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَتَّخِذُ مِن دُونِ اللَّهِ أَندَادًا يُحِبُّونَهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ
 ءَامَنُوا أَشَدُّ حُبًّا لِلَّهِ وَلَوْ يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرُونَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ
 لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ ﴿١٦٥﴾

(Walaupun demikian), ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah), mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. Dan kalaulah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahawa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah, dan bahawa sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya, (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu). (al-Baqarah : 161)

4. Kembali kepada Allah swt bila ditimpa musibah.

Firman Allah swt.

وَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ الضُّرُّ دَعَانَا لِجَنبَيْهِمْ أَوْ قَاعِدًا
 أَوْ قَائِمًا فَلَمَّا كَشَفْنَا عَنْهُ ضُرَّهُ مَرَّ كَأَن لَّمْ يَدْعُنَا إِلَى ضُرِّ
 مَسَّهُ ۗ كَذَلِكَ زُيِّنَ لِلْمُسْرِفِينَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٣﴾

Dan apabila seseorang manusia ditimpa kesusahan, merayulah ia ditimpa Kami (dalam segala keadaan), sama ada ia sedang berbaring atau duduk ataupun berdiri; dan manakala Kami hapuskan kesusahan itu daripadanya, ia terus membawa cara lamanya seolah-olah dia tidak pernah merayu kepada Kami memohon hapuskan sebarang kesusahan yang menyimpannya (sebagaimana ia memandang eloknya bawaan itu) demikianlah diperelokkan pada pandangan orang-orang yang melampau apa yang mereka lakukan. (Yunus : 12)

5. Infaq kepada jalan Allah.

Firman Allah swt.

(مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِنْهُ حَبَّةٌ مِثْلُ حَبِّهِ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ
 وَاسِعٌ عَلِيمٌ)

Bandangan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya. (al-Baqarah : 261)

6. Kesan riba kepada kehidupan manusia.

Firman Allah swt.

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۗ

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. (al-Baqarah : 275).

7. Hukum pewarisan dan pemeliharaan anak.

Firman Allah swt.

(وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَّمَّ الرِّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا نُضَارُّ وَالِدَةً بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ).

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajiban yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan. (al-Baqarah : 233)

8. Hubungan suami dengan isteri yang telah diceraikan.

Firman Allah swt.

(وَإِنْ فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَزْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعاقِبْتُمْ فَاتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَزْوَاجُهُمْ مِّثْلَ مَا أَنْفَقُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ)

Dan sekiranya kamu tidak dapat menerima balik sesuatu dari maskahwin isteri-isteri kamu (yang menjadi murtad serta) melarikan diri ke pihak orang-orang kafir, kemudian kamu menyerang puak yang kafir itu serta mendapat harta rampasan maka berikanlah kepada orang-orang (Islam) yang lari isterinya itu ganti maskahwinnya sebanyak yang mereka telah bayar. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kamu beriman kepadaNya. (al-Mumtahanah : 11).

9. Hukum buruan semasa berihram.

Firman Allah swt.

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْتُلُوا الصَّيْدَ وَأَنْتُمْ حُرُمٌ ۚ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمَّدًا فَجَزَاءٌ مِّثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعْمِ بِحُكْمِ بِهِ دَوَّا عَذْلٍ
مِّنْكُمْ ...)

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan ketika kamu sedang berihram. Dan sesiapa di antara kamu yang membunuhnya dengan sengaja, maka dendanya (menggantinya) dengan binatang ternak yang sama dengan binatang buruan yang dibunuh itu, yang ditetapkan hukumnya oleh dua orang yang adil di antara kamu... (al-Maidah : 95)

10. Larangan mungkir janji dan sumpah.

Firman Allah swt.

(وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَقَصَتْ غَزْلَهَا مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ أَنْكَاثًا تَتَخَذُونَ آيْمَانَكُمْ دَخَلًا بَيْنَكُمْ أَنْ تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرْبَىٰ مِنْ أُمَّةٍ ۗ إِنَّمَا
يَبْلُوكُمُ اللَّهُ بِهِ ۗ وَلِيُبَيِّنَ لَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ)

Dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak satu persatu benda yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya kuat teguh; dengan kamu menjadikan sumpah kamu sebagai tipu daya (untuk mencabuli perjanjian yang telah dimeteraikan) sesama kamu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai dari golongan lain. Sesungguhnya Allah hanya mahu menguji kamu dengan yang demikian itu; dan Ia sudah tentu akan menerangkan kepada kamu, pada hari kiamat, apa yang kamu berselisihan padanya. (al-Nahl : 92)

11. Larangan menjatuhkan maruah.

Firman Allah swt

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلَا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ
لَا تَشْعُرُونَ)

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyedarinya. (al-Hujuraat : 2)

3.0 Dapatan Kajian

Demikian itu beberapa contoh yang dapat penulis tampilkan dalam tulisan yang ringkas ini. Peribahasa dalam al-Quran sangat banyak, dapat digunakan oleh pendidik, pendakwah dan orang perorangan untuk mengambil iktibar bagi dirinya dan orang yang dididiknya.

4.0 Penutup :

Peribahasa al-Quran pada umumnya berperanan dalam pendidikan keimanan dan mengajar manusia kaedah-kaedah yang berjaya dalam pendidikan dan pengajaran, dengan menghubungkan kaedah-kaedah itu dengan hal-hal kemanusiaan, sejarah dan alam tabie dan makhluk-makhluk lain seperti alam malaikat, alam jin dan lain-lain⁷

Firman Allah swt.

(اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌّ وَلَهُوَ وَزِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ)

Ketahuiilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurang), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhadap waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya. (al-Hadid : 20).

Rujukan:

Al-Quranulkari:m.

Ghaza:li D:arussala:m (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Muhammaed Ja:bir al-Fayyad (Prof. Dr.) (2012). *Al-Amthal fi: al-Quranulkarim*. Cet.1. Kaherah. Darussalam.

Samih "A:tif El-Zain (2009). *Mu'jam al-Amtak Fi: al-Quranulkarim*. Cairo. Da:ar al-Kitab al-Misri al- Lubnani.

Mahmud al-Rabi:'e (2008)

<http://annabaa.org/>.<http://www.seputarpengetahuan.com/2015/02/15>.

@misk00-moh

⁷ . Mahmud al-Rabi:'e (2008) <http://annabaa.org/>.